

Terengganu angka tertinggi

Oleh ZAAIN ZAIN, MOHD. RIFAAT ABD. HAMID, MUHAMMAD AIMY AHMAD dan ROSALINDA MD. SAID
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Sejak semalam, sebanyak 1,151 mangsa masih ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di beberapa negeri Semenanjung.

Statistik menunjukkan berlaku peningkatan jumlah mangsa berbanding kelmarin.

Bagaimanapun, **Johor dan Kelantan** menjadi dua negeri yang tiada mangsa banjir sehingga semalam.

Terengganu pula menjadi negeri tertinggi mempunyai mangsa banjir walaupun mencatatkan penurunan semalam iaitu daripada 690 orang kepada 520 orang.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Terengganu, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A. Rahman berkata, setakat pukul 4 petang semalam, empat ditutup iaitu di Setiu dan Besut, sekali gus menjadikan hanya 20 yang masih beroperasi di enam



Setakat pukul 4 petang semalam, empat pusat pemindahan sementara (PPS) ditutup iaitu di Setiu dan Besut, sekali gus menjadikan hanya 20 yang masih beroperasi di enam daerah."

CHE ADAM A. RAHMAN

daerah.

Sementara di **Kedah**, seramai 56 mangsa banjir daripada tujuh keluarga berada di dua PPS Pokok Sena dan Kota Setar menurun daripada 74 orang kelmarin.

Penyelaras Sekretariat Jawa-

tankuasa Pengurusan Bencana Negeri Kedah, Kapten (PA) Saifuddin Abdullah berkata, mangsa banjir tersebut ditempatkan di surau Kampung Permatang Limau di Pokok Sena dan Sekolah Kebangsaan Suka Menanti di Kota Setar.

Menurutnya, bilangan mangsa banjir yang masih berada di PPS Surau Kampung Permatang Limau ialah 12 orang daripada tiga keluarga dan di PPS Suka Menanti yang dibuka sejak 11 pagi semalam menempatkan 44 orang daripada 14 keluarga.

Dalam pada itu, di **Melaka** pula jumlah mangsa banjir menunjukkan penurunan di PPS berbanding kelmarin daripada 235 orang kepada 177 orang.

Daripada jumlah itu, seramai 171 daripadanya adalah penduduk di Jasin yang ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan Tehel dan Sekolah Kebangsaan Parit Gantong.

Manakala, hanya tinggal enam sekeluarga berlindung di SK Durian Tunggal sementara Daerah Melaka Tengah diisytih-

arkan bebas sepenuhnya bencana itu buat masa ini.

Namun, keadaan di **Perak** masih tidak menunjukkan sebarang perubahan dengan jumlah penduduk yang dipindahkan seramai 378 orang, sama seperti semalam.

Jurucakap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri berkata, setakat pukul 4 petang ini, Bagan Serai masih mencatat jumlah paling tinggi penduduk pindah di dua PPS.

Menurutnya, PPS di Sekolah Kebangsaan Parit Haji Aman, Bagan Serai yang menempatkan 169 mangsa daripada 69 keluarga dan PPS di Bagan Serai menempatkan 90 mangsa daripada 22 keluarga.

Di **Selangor** seramai 20 orang penduduk telah dipindahkan ke PPS Dewan Seri Sekinchan, Sabak Bernam bermula pagi semalam

Mangsa banjir yang dipindahkan terdiri daripada lima lelaki dan wanita dewasa, 14 kanak-kanak dan seorang wanita warga emas.

STATISTIK BANJIR

JUMLAH MANGSA

TERENGGANU

690 | **520**
(kelmarin) | (semalam)

KEDAH

74 | **56**
(kelmarin) | (semalam)

MELAKA

235 | **177**
(kelmarin) | (semalam)

PERAK

378 | **378**
(kelmarin) | (semalam)

SELANGOR

20
(semalam)

JOHOR & KELANTAN

TIADA

Ibarat 'pesta'

WALAUPUN amaran bahaya banjir dikeluarkan oleh agensi-agens penguat kuasa kerajaan, namun sekumpulan remaja ini seolah-olah tidak mepedulikannya, malah mereka menjadikan banjir sebagai satu pesta dengan bermandi-manda di Sungai Ayer Panas, Jasin, Melaka yang paras airnya meningkat daripada biasa.

Jasin menjadi daerah tertinggi mencatatkan bilangan penduduk yang diarahkan berpindah ke beberapa pusat pemindahan sementara (PPS) yang kini dibuka selepas banjir melanda daerah itu sejak Khamis lalu.

Sehingga kini, seramai 202 daripada 262 jumlah keseluruhan mangsa banjir di Melaka masih berada di tiga PPS di daerah itu.

■ **SEKUMPULAN** remaja gembira menunjukkan aksi terjunan di Sungai Ayer Panas, Jalan Ladang Tehel 1, Kampung Tehel, Bemban, walaupun kawasan perumahan mereka dilanda banjir. - UTUSAN/RASUL AZLISAMAD

